

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG  
[ KAMPAR ]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2021**

**SOALAN**

**YB Tuan Su Keong Siong** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah dan/atau pelan tindakan yang di susun untuk mencapai matlamat atau konsep “Keluarga Malaysia” yang di ketengahkan oleh Kerajaan. Nyatakan dengan jelas konsep dan model “Keluarga Malaysia” yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABd LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Konsep dan falsafah Keluarga Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Ke-9 dalam ucapan sulung beliau pada 22 Ogos 2021. Konsep Keluarga Malaysia diambil kerana frasa ini lebih bersifat inklusif di mana ia merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum dan merangkumi semua lapisan usia, anak muda sehinggalah ke warga emas. Konsep Keluarga Malaysia ini diketengahkan sebagai falsafah kepada keutuhan sesebuah keluarga yang merupakan satu entiti yang saling melengkapi, umpama anggota tubuh yang saling memerlukan di antara satu sama lain. Matlamat yang ingin dijelaskan melalui konsep ini adalah untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira

agama dan bangsa berganding bahu dan bekerjasama untuk memulih dan membangunkan negara daripada impak-impak negatif akibat pandemik CoVID-19. Model Keluarga Malaysia ini akan mengukur keberhasilan kebahagiaan terhadap produk/perkhidmatan yang dilaksanakan akan dinilai berdasarkan kepuasan dan kegembiraan penerima produk/perkhidmatan tersebut.

2. Langkah-langkah dan/atau pelan tindakan yang disusun untuk mencapai matlamat Keluarga Malaysia adalah dengan memperkenalkan produk-produk Keluarga Malaysia seperti Skwad Keluarga Malaysia, Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia dan lain-lain inisiatif yang akan memberi impak kepada keberhasilan kebahagiaan rakyat secara menyeluruh. Pelaksanaan produk-produk Keluarga Malaysia ini akan diukur prestasinya melalui Petunjuk Prestasi Utama dan juga Keberhasilan Kebahagiaan kepada pihak-pihak berkepentingan terutamanya rakyat yang merupakan penerima perkhidmatan produk-produk tersebut.

3. Pelan Tindakan yang lebih komprehensif sedang dibangunkan dalam tempoh 6 bulan. Di samping itu, bagi menyemarakkan lagi konsep Keluarga Malaysia agar diterima dan menjadi sebutan oleh rakyat pelbagai peringkat, hashtag atau slogan Keluarga Malaysia akan sentiasa diuar-uarkan supaya pernyataan tersebut sentiasa terpahat di sanubari setiap ahli Keluarga Malaysia sebagai pegangan yang akan diterjemahkan dalam menjalani kehidupan seharian.

Sekian, terima kasih.